

TARIKH	20 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	15	RUANGAN	

100 graduan sertai Skim Latihan 1Malaysia

» Usaha bantu tingkatkan kebolehpasaran siswazah dalam alam pekerjaan

Oleh Muhammad Hatim Ab

Manan

bhnews@mediaprima.com.my

► Sungai Udang

Seramai 100 graduan terpilih menyertai Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) bersama Lembaga Tabung Haji sebagai usaha meningkatkan kebolehpasaran mereka di alam pekerjaan.

Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali, berkata mereka adalah sebahagian daripada 20,000 graduan menganggur yang belum berpeluang menjalani latihan tambahan bagi meningkatkan kebolehpasaran dalam pekerjaan.

Katanya, graduan terbabit menjalani program khas bersama agensi itu bagi tempoh setahun sebagai langkah jangka pendek meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Sokong usaha kerajaan

"Kami menyokong penuh usaha kerajaan menempatkan peserta skim ini di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pelatih terbabit diberi elauan bulanan bagi tempoh 12 bulan dengan kadar RM1,000," kata-

nya di sini, semalam.

Sebelum itu, beliau menghadiri majlis perasmian Program Komuniti 50 Jam SL1M-TH yang disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Idris Haron, di Rumah Anak Yatim Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak Yatim Miskin Islam (PAYASUM), di sini.

Pada majlis itu, Idris turut menyampaikan sumbangan daripada Tabung Haji berjumlah RM10,000 hasil kutipan derma kakitangannya dan derma tabung surau kepada PAYASUM.

Hadir sama, isteri Ketua Menteri, Datin Wira Fadilah Abdullah; Yang Dipertua PAYASUM, Datuk Abdullah Mohd Taha dan Pengarah Tabung Haji Melaka, Mohamad Khairi Dasemin.

Kamarudin berkata, pihaknya memilih PAYASUM bagi pelaksanaan program julung kali itu dan membantu pelatih SL1M melihat skop sebenar masyarakat dari sudut yang

berbeza, di samping mendekati 120 anak yatim.

Beliau berkata, program bertemakan 'Semurni Hati Menabur Bakti' selama tiga hari yang berakhir semalam itu, diisi dengan pelbagai pengisian termasuk gotong-royong, simulasi haji, program mentor-mentee, aktiviti sukan, sesi motivasi dan pameran Tabung Haji.

Penuhi kehendak majikan

"Kita percaya SL1M dapat memenuhi kehendak dan keperluan majikan yang boleh dipерluaskan ke seluruh negara. Inisiatif program ini juga adalah sebagai memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) Tabung Haji kepada masyarakat," katanya.

Sementara itu, Idris berkata, program yang julung kali diadakan itu sejajar dengan inisiatif penubuhan '1Malaysia For Youth' (IM4U) oleh kerajaan untuk menjana masyarakat lestari, khususnya belia supaya lebih berketrampilan dan berkeperibadian mulia.

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	20 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	15	RUANGAN	



Idris (dua dari kiri) menanam pokok bonsai ketika merasmikan Program Komuniti 50 Jam SLIM-TH di PAYASUM, Sungai Udang, Melaka, semalam.

(FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH)

"Kita percaya SLIM-TH langkah terbaik menangani masalah pengangguran siswazah dan memperlihatkan kerajaan prihatin dengan permasalahan untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan yang dihadapi siswazah"

Idris Haron,
Ketua Menteri Melaka